

Newspaper	Berita Harian
Date	26/8/2013

PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI USAHA KE ARAH KEAMANAN GLOBAL

Barat punca dunia tak aman

» Cipta senjata pemusnahancam umat manusia: Dr M

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan, ancaman senjata pemusnah besar-besaran (WMD) kini bukan lagi tertumpu kepada kuasa besar apabila negara kecil juga turut memiliki keupayaan itu.

Presiden Yayasan Keamanan Sedunia Perdana (PGPF) itu berkata, WMD bukan hanya mengenai kuasa nuklear, tetapi senjata kimia dan biologi, yang mampu membunuh ribuan nyawa dalam sekelip mata.

Jejas ribuan nyawa

Tegasnya, pembangunan senjata pemusnah oleh negara kuasa besar itu, menyukarkan

usaha komuniti dunia mencapai keamanan sejagat.

"Kita tengok bagaimana senjata kimia turut digunakan di Syria menyebabkan ribuan nyawa dibunuh.

"Kapasiti untuk menggunakan senjata pemusnah itu bukan lagi terletak kepada kuasa besar dunia," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Usaha Ke Arah Keamanan Global anjuran PGPF di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, semalam.

Hadir sama, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi PGPF, Tan Sri Norian Mai; duta serta diplomat asing.

Dr Mahathir berkata, walaupun dunia tidak lagi menyaksikan peperangan berskala besar selepas Perang Dunia Kedua pada 1945, peperangan skala kecil tetap berlaku di merata-rata tempat di luar benua Eropah.

Katanya, dunia mempelajari kesan kuasa WMD, khususnya bom atom yang digurukan di Hiroshima dan Nagasaki, namun itu tidak



Dr Mahathir **beramah mesra dengan tetamu** yang hadir pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Usaha ke Arah Keamanan Global, di Kuala Lumpur.
[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

menghalang pihak yang mahu mencari keuntungan mencipta senjata yang lebih menggerunkan.

"Peperangan tetap berlaku di banyak negara, bila senjata dijual kuasa besar untuk memperoleh pulangan daripada pelaburan mereka," katanya.

Senjata kimia, biologi

Dr Mahathir turut menyindir pembangunan senjata kimia dan biologi sebagai hasil kemajuan yang dicapai oleh ta-

madun Barat.

Katanya, sikap pilih kasih, misalnya berhubung penindasan Israel ke atas Palestin, selain menyelesaikan konflik melalui peperangan, juga mengekang keamanan dunia daripada tercapai.

"Keamanan tidak akan tercapai, jika kekuatan menjadi ukuran," katanya sambil menegaskan peperangan perlu dianggap sebagai tindakan jenayah dan dikecam masyarakat dunia.

Sekatan, boikot mampu halang kekejaman Israel

Kuala Lumpur: Hanya sekatan dan boikot masyarakat antarabangsa mampu mengajar Israel berikutan segala penindasan dan kekejamannya terhadap warga Palestin selama ini.

Wartawan Israel yang juga kolumnis akhbar *Haaretz*, Gideon Levy, berkata masyarakat dunia, termasuk Amerika Syarikat (AS) perlu menghentikan sokongan kepada Israel jika mahu keamanan mutlak dicapai di wilayah konflik, Tebing Barat dan Gaza.

Anggap bangsa terpilih

Tegasnya, Israel dan rakyatnya sanggup melakukan apa saja kerana pemikiran mereka ditanam dengan mentaliti bangsa terpilih, selain tidak menganggap penduduk Palestin sebagai manusia.

"Israel berani mengetepikan undang-undang antarabangsa kerana menganggap mereka bangsa terpilih dan menjadi mangsa, menyebabkan mereka beranggapan boleh melakukan apa saja.

"Apa juga pendekatan bagi menyelesaikan konflik Palestin, Israel perlu dikenakan sekatan dan boikot supaya membayar segala perbuatan yang mereka lakukan selama ini," katanya pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Usaha Ke Arah Keamanan Global, di sini, semalam.